

07 MAR 2000

Mahathir-Indonesia

LAWATAN MAHATHIR UNTUK RAPATKAN HUBUNGAN MELALUI PEMULIHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Indonesia mulai Khamis ini bertujuan merapatkan hubungan dua hala melalui proses pemulihan ekonomi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata lawatan itu disertai 150 anggota delegasi termasuk empat menteri serta anggota Parlimen, usahawan dan pemimpin pertubuhan belia.

Menteri-menteri berkenaan ialah Syed Hamid sendiri, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Lawatan itu bertujuan meninjau dan melihat aspek-aspek Malaysia dapat memberi pertolongan untuk memulihkan ekonomi Indonesia terutama melalui penyertaan syarikat swasta Malaysia, katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Dr Mahathir akan menyaksikan tiga majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara syarikat swasta Malaysia dengan Indonesia.

MoU itu membabitkan Syarikat Three Intity Sdn Bhd dengan PT Astra Graphia untuk membangunkan sistem e-Procurement di Indonesia.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) juga akan menandatangani MoU dengan Komisariss Indosat bagi membangunkan perbadanan multimedia di Indonesia.

Usaha membangunkan jalan raya di Jakarta juga turut dilaksanakan oleh syarikat negara ini, First Perpec Prime yang akan menandatangani MoU dengan satu konsortium Indonesia yang mengandungi empat syarikat - Citra Bakti Marga Terma Persoda, Citra Matram Siatria Marga Persoda, Jakarta Lingkar Barat dan Marga Nuriando Bhakti.

Selain itu sebuah syarikat Malaysia, (hanya dikenali TOBEX, anak syarikat TIPCO) juga dijangka menjalinkan perjanjian kerjasama dengan syarikat swasta Indonesia (Wira Buano) untuk mengeluarkan minyak dan gas di Jawa Utara dan Jambi yang bernilai US\$200 juta.

Syed Hamid berkata lawatan Perdana Menteri itu juga merupakan lanjutan proses perundingan antara pemimpin kedua-dua negara sejak dahulu lagi selain sebagai lawatan balas terhadap kunjungan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid ke negara ini pada November lalu.

"Kita datang untuk menunjukkan keakraban kita... kita mahu menjalin perhubungan dalam masa senang dan susah. Kita juga berharap dalam pertemuan ini, dapat dibincangkan isu kepentingan dua hala, isu serantau dan hubungan antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucapan utama pada seminar "Rebuilding Business Opportunity in Indonesia" (membina semula peluang perniagaan di Indonesia) yang dikendalikan (Institut Strategi dan Kepimpinan Asia serta Kamar Dagang dan Industri Indonesia (Kadin)

-- BERNAMA

RZS RON